


Muzium & Galeri Tuanku Fauziah, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia
Pelita Hati House of Art, 22, Jalan Abdullah, Off Jalan Bangsar, 59000 Kuala Lumpur, Malaysia



DEDAHAN UTARA

PELITA HATI HOUSE OF ART 9 FEBRUARI-9 MAC 2007

ROZANA MOHAMED



TETRIANA AHMED FAUZI

(c)2007 Hakcipta terpelihara/*All rights reserved*
Pelita Hati Sdn. Bhd. & Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM

Hakcipta terpelihara. Selain daripada kegunaan penyelidikan, kritikan dan ulasan, dilarang sama sekali mencetak atau menyalin-semula mana-mana bahagian atau isi penerbitan ini tanpa izin bertulis daripada penerbit

All rights reserved. Apart for the purposes of research, criticism and review, no part of this publication may be reproduced by any process without the publishers' written consent

Pameran/Exhibition
Dedahan Utara / *Northern Exposure*

Pelita Hati House of Art
09/02/07-09/03/07

Kurator & Penulis Jemputan/*Guest Writer & Curator*
Hasnul J Saidon

Bantuan Kuratorial/*Curatorial Assistance*
Pelita Hati House of Art

Pereka/*Designer*
Hishamudin Mison

Penerbit/Publishers

Pelita Hati Sdn. Bhd.
No. 22, Jalan Abdullah, Off Jalan Bangsar,
59000 Kuala Lumpur, Malaysia
(T/F) 6 03 2284 8380 / phati@streamyx.com
www.pelitahati.com.my

Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM
11800 Pulau Pinang, Malaysia
(T) 6 04 653 3888 samb. 3261/3267 / dir_muzium@notes.usm.my
www.MGTF.usm.my

DEDAHAN UTARA / NORTHERN EXPOSURE KANDUNGAN / CONTENTS

- * Aturan Rawak/*Random Order*
- * Potong & Tampal/*Cut & Paste*
- * Pernyataan Pelukis/*Artist's Statement*
- * Biodata
- * Penghargaan/*Acknowledgment*

RANDOM ORDER

Rozana's artworks for this exhibition cover a span of 13 years, from 1994 until 2007. She has been painting actively since her third year at UiTM in 1987. Nevertheless, she has never exhibited her artworks in public since 1990. Therefore, this exhibition signifies a critical point of re-entry for her after 16 years of complete absence.

Other than batik, Rozana paints in acrylic, predominantly on paper. Her painting techniques are simple and straightforward - a combination of gouache with masking, spraying, sprinkling and glazing. Focus is placed on the skill of mixing colors and controlled manipulation of color values to create the illusion of three dimensional objects on a flat and shallow plane. She also excels in mimicking the appearance of intricate traditional motifs and patterns, a feat that demands commitment, full engagement, discipline, patience and endurance.

Rozana's subjects are common to us - sand, sea shell, corals, plants, various motifs and patterns taken from Nusantara traditional crafts especially textile for decoration and daily wear. She employs romantic realism as a style, but with a feminine touch. Realism in her artworks is rather deceiving, since she subtly hints at a presence of 'Nusantara' temperament in her compositional treatment.

Rozana treats her subjects both as sources for pictorial composition as well as symbolic and semiotic play. In a way, she reverberates a combination of South-East Asia's 'bio-mimicry' with Western realism towards nature in an effort to capture both the localized and cosmic aspects of its order, both the natural and abstract rendition of nature. Her works elude a poetic air of obscured narratives, hidden under a combination of symbolic and semiotic codes. She speaks through whispering simple metaphors, epitomizing a very traditional Malay sensibility and conservatism. Her voice is layered and indirect. She obeys the cardinal rule (*adab*) of traditional Malay artistic sensibility - truth (*benar*), beautiful (*cantik*) and decent (*baik*).

The angle she chooses induces a sense of looking down at a plane or ground from above. The slightly enlarged size or relative scale of her subjects suggests a rather intimate and attentive observation, as if one is looking down from a squatting position. One may refer to this as a rather 'down-to-earth' point of view, with the subjects scattered in a seemingly random manner but yet equal in their



Hantaran Tak Berdulang 2 (1994)
Akrilik atas kertas / Acrylic on paper
65 cm x 96 cm

ATURAN RAWAK

Karya-karya Rozana untuk pameran ini meliputi jangka masa selama 13 tahun, dari tahun 1994 hingga 2007. Beliau telah mula berkarya secara aktif semenjak menuntut di UiTM pada tahun 1987. Beliau tidak pernah mempamerkan karya-karya dalam sebarang pameran umum sejak 1990. Oleh itu, pameran ini menandai penglibatan-semula beliau setelah tidak berpameran selama 16 tahun.

Rozana melukis dengan menggunakan cat akrilik, selain dari batik. Teknik catan beliau adalah ringkas dan mudah - kombinasi teknik 'guoche' dengan kaedah 'masking', renjisan, semburan dan 'glazing'. Tumpuan diberikan kepada kemahiran mencampur dan memanipulasi nilai warna secara terkawal untuk menghasilkan ilusi objek tiga dimensi di atas satah yang rata dan cetek. Beliau juga berkebolehan meniru rupa motif dan corak tradisional yang rencam, suatu kemampuan yang menuntut komitmen, penglibatan, disiplin, kesabaran dan kecekalan.

Subjek-subjek Rozana adalah mudah dikenal - pasir, kerang, batu karang, tumbuhan dan pelbagai motif serta corak yang dipetik dari kraf tradisional Nusantara, terutama sekali sumber tekstil untuk pakaian serta perhiasan harian. Beliau menggunakan realisme romantis sebagai stail pilihan, namun dengan sentuhan feminin. Realisme dalam karya-karya beliau adalah agak mengelirukan, kerana beliau secara halus mencadangkan kehadiran sikap dan ketrampilan 'Nusantara' menerusi pengolahan komposisi.

Rozana menangani subjek-subjek beliau sebagai sumber komposisi penggambaran dan juga untuk tujuan simbolik dan permainan semiotik. Dari satu segi, beliau menggetarkan kombinasi antara penafsiran 'bio-mimicry' Nusantara dengan realisma Barat terhadap alam semulajadi. Kombinasi ini bertujuan merakamkan kedua-dua aspek lokal dan kosmik pada aturan alam semulajadi, gabungan kedua-dua ketrampilan fizikal dan abstrak pada alam semulajadi. Karya-karya beliau menempiaskan udara puitis naratif peribadi yang berlingung disebalik kod-kod simbolik dan semiotik. Beliau berbicara menerusi bisikan metafora-metafora ringkas yang mencerminkan kehalusan dan ketertiban tradisional Melayu. Suara beliau berlapis. Beliau akur pada adab dalam kehalusan artistik Melayu - benar, cantik dan baik.



Hantaran Tak Berdulang (1994)
Akrilik atas kertas / *Acrylic on paper*
65 cm x 96 cm

RANDOM ORDER

relative distance from the observer. In her latest series, any spot on the surface of the artworks may be taken as a focus point (multiple points of view). This reminds us of a similar spatial treatment found in many forms of traditional 'Eastern' art.

The placement of the natural and organic shells is suggestive of 'a casual throw of a dice'. The shells can also be read as empty vessels, leftovers of the trials and tribulations of life in the open sea. Shells can also be taken as a shield or a form of defensive armor. To contrast, stabilize and induce a sense of order, she uses motifs and patterns contained by geometric rectangular shapes - perhaps hinting at a binary dialogue, a kind of random-order.

Colors in her earlier works are warmer - consisted of predominantly primary and secondary mix with a slightly exaggerated intensity and color imagination in tinted pastel. The overall key or tonal register is mainly medium and high (tinted or bright colors). The mood is certainly fresh. The contrast is strong while the shadows are mostly short.

Colors in her latest series are more somber, predominantly tertiary colors in shaded or low key register. They elude a sense of maturity and dignity. The harmony is more subtle with a scattered touch of high contrast to accentuate the overall feel of the paintings. Rozana's batik paintings on the other hand, are best read as layered poems that capture her search for a distinctive personal language. The paintings compliment the works of local pioneers and proponents of batik painting such as Chuah Thean Teng and his sons, Toya, Lee Kian Seng, Khalil Ibrahim, Fatimah Chik and Najib Ahmad Dawa.



ATURAN RAWAK

Sudut yang beliau pilih menghadirkan sensasi melihat ke bawah, ke arah suatu satah dari pandangan atas. Penggunaan skala atau saiz subjek-subjek yang sedikit besar dari yang asal mencerminkan pemerhatian yang mesra dan tekun, persis seseorang sedang melihat ke bawah dari kedudukan bertenggong. Mungkin ini merujuk kepada pandangan 'merendah diri' dalam mana subjek-subjek karya bertaburan dalam keadaan rawak namun berkongsi jarak sama dengan pemerhati. Dalam karya-karya terbaru beliau, sebarang kawasan di atas permukaan karya-karyanya boleh dijadikan titik tumpuan (kepelbagaian titik tumpuan). Ini mengingatkan kita kepada pengolahan ruang yang terdapat dalam beberapa bentuk seni tradisi Timur.

Kedudukan kerang-kerang laut yang organik dan semulajadi mencerminkan 'balingan dadu yang rambang'. Kerang-kerang ini boleh juga dibaca sebagai perahu-perahu kosong yang tersadai setelah jenuh berdepan dengan cabaran serta ujian dari ombak laut. Kerang juga boleh dibaca sebagai suatu bentuk perisai atau pakaian mempertahankan diri. Untuk meninjau, mengimbangi dan mewujudkan suasana tertib, Rozana menggunakan motif-motif dan corak-corak yang dibatasi rupa-rupa geometrik - mungkin membisikkan suatu bentuk dialog yang bertentangan antara aturan dan rawak.

Warna-warna dalam karya-karya awal beliau lebih panas - terdiri dari campuran warna sekunder dan tertier yang telah ditingkatkan intensitinya dan dilembutkan dengan warna-warna pastel yang imajinatif. Kunci dan nada nilai warna secara keseluruhannya adalah pertengahan dan tinggi. Suasana yang terhasil agak segar. Ciri kontras atau pertengahan warna yang digunakan agak kuat manakala bayang-bayang yang terakam kebanyakannya pendek.

Warna-warna dalam karya-karya mutakhir beliau lebih suram dan rata-rata menampilkan warna-warna tertier yang bernada rendah. Ia menghasilkan suasana sifat matang dan sopan. Harmoni warnanya lebih halus dan diiringi kontras tinggi pada beberapa bahagian secara rawak untuk menceriakan rasa keseluruhan. Sebaliknya, karya-karya seni catan batik Rozana lebih sesuai dibaca sebagai lapisan-lapisan sajak yang merakamkan pencarian bahasa peribadi yang tersendiri. Ia meneruskan tradisi seni catan batik yang telah dipelopori dan dihidupkan oleh perintis dan penggiat seperti Chuah Thean Teng dan anak-anaknya, Toya, Lee Kian Seng, Khalil Ibrahim, Fatimah Chik dan Ahmad Najib Dawa.

CUT & PASTE

Tetriana Ahmed Fauzi's recent digital collages implies that images have become sites of contestation in which culture, lifestyle and identity can be deconstructed and reconstructed. Her works reflect semiotic interpretation of poststructuralists in which we live in a world where meanings are never static and always in a state of flux.

Through her works, Tetriana freezes such flux into pictures that defy our usual logic of reading a picture. Her compositions belong to the 'post-body' age of digital simulation, of hybrid or virtual reality, artificial intelligent, hidden codes, and multiple meanings hidden under the fuzzy logic of digital 'cut and paste'.

She uses common, banal and daily images that most of us can relate to, only to re-use, refuse, fuse and even confuse our normal cultural reading of them. Her strategy is to strip the images from their original customary contexts, and combine them together to unveil possibilities of new readings. Our readings of the images are thus shifted into a new plane of meaning that may jolt us to confront our present 'image-oriented' society of post-modern facades and spectacles.

By digitally placing images taken from various different contexts, Tetriana has augmented the unstable interplay between signifiers and signified. Her images function as interwoven signifiers in a field of multiple meanings, a multidimensional space in which various contexts blend and clash on a shared pictorial space. The consequences are endless possibilities of new meanings.

Such endless possibilities unveil the fact that we are living in a multidimensional world of overlapping contexts. Sometimes the contexts compliment each other to provide us with a coherent reality. Often times, especially in today's age of globalization, liberal free market economy and information technology, they may contradict, cancel, deconstruct, or even construct (albeit temporarily) new realities. The burden is placed on the viewers (or readers) of images to engage with them and put them to work (to read them with new insights, different from their original contexts).



Montage 11 (2007)
Cetakan digital atas kanvas / Digital Print on canvas
112 cm x 68 cm



Montage 1 (2007)
Cetakan digital atas kanvas / Digital Print on canvas
130 cm x 87 cm

Karya-karya kolaj digital Tetriana Ahmed Fauzi mencadangkan bahawa persekitaran kita yang penuh dengan imajan-imajan kini telah menjadi lapangan pertembungan dalam mana pelbagai budaya, gaya hidup dan identiti boleh dirombak dan dibina-semula. Karya-karya beliau memantulkan interpretasi semiotik pasca-strukturalis. Interpretasi ini mengusulkan bahawa kita kini hidup dalam dunia yang maknanya tidak pernah kekal dan sentiasa berubah.

Menerusi karya-karya beliau, Tetriana telah menampilkan kecairan makna dalam bentuk gambar-gambar yang menolak logik pembacaan budaya dan penafsiran yang lazim. Namun demikian, komposisi beliau lebih tergolong dalam dunia simulasi digital era pasca-jasad, realiti maya dan hibrid (kacukan), kepintaran buatan, kod-kod terselindung, dan kepelbagaian makna yang ditabir oleh logik kabur 'potong dan tampal.'

Beliau menggunakan imajan biasa dan seharian yang mudah dikenali oleh kita. Namun, imajan biasa ini telah diguna-semula, diubah-ubah, digabung, dikacuk dan dikelirukan sehingga pembacaan budaya yang lazim tidak lagi boleh digunakan untuk mentafsirnya. Strategi beliau melibatkan pembuangan sebarang konteks asal yang mendasari pemaknaan sesuatu imajan, dan menggabungkan pelbagai imajan yang sudah dibuang konteks asalnya untuk membuka pelbagai pembacaan baru. Pembacaan kita terhadap imajan-imajan yang digunakan terpaksa dianjak kepada penafsiran dan pemaknaan yang baru yang mungkin boleh mengejutkan kita. Kejutan yang disengajakan ini mungkin dapat menyedarkan kita untuk mengakui bahawa kita semakin perlu menghadapi cabaran realiti masyarakat pasca-modern yang meraikan kecacatan dan penuh dengan kehebohan yang kosong.

Dengan meletakkan imajan-imajan yang diambil dari pelbagai konteks yang berbeza, Tetriana telah menampakkan lagi ketidakstabilan dalam hubungan antara penanda (simbol, ikon, indeks) dan makna. Imajan-imajan beliau berfungsi sebagai penanda-penanda yang rencam atau sudah bercampur-baur dalam lapangan makna yang pelbagai, suatu ruang multidimensi dalam mana pelbagai konteks bertindan dan bertelagah di atas ruang penggambaran yang dikongsi bersama. Hasilnya adalah kemungkinan-kemungkinan pemaknaan baru yang tidak berkesudahan.

CUT & PASTE

Tetrianas also seems to unveil that meanings (about a particular subject) can be constructed as a shared or common system of thinking to a point that the thought system be taken as natural or inevitable. Such shared 'system or pattern of thinking' stabilizes and defines our readings of images, thus our cultural reality. Due to the implosions of image-exchange in our age of global telecommunication, such system or pattern may be freely appropriated, interrupted, deconstructed, broken, or 'crashed'. Tetrianas' fragmented cultural reality can also be traced in Ismail Zain's digital collages and the works of the present generation of artists such as Chan Kok Hooi, Ahmad Fuad Osman, Safrizal Shahir, and Ili Farhana.

Tetrianas' conscious reference to the post-colonial, multicultural and multiracial Penang further enhances the sometimes ironic notion of identity in our rapidly changing pluralistic Malaysian society. As our society struggles to endure the imperatives of modernism and the cultural shock (or 'syiok') of post-modernism, encountering seemingly absurd events, individuals, people, and situations may increasingly become more common. They may be as common as the composite images that Tetrianas has yielded through her digital collages. Our thought pattern or thinking system may be at stake, forsaking grand narrative, singular and monolithic view for a more flexible, impermanent, multi-textual and multifaceted perceptions on our notion of self, identity, culture or our present reality at large. Some may welcome such compromise, few may disagree or despise or even denounce violently.

Who and what define or create our identity and reality in today's age of 'free market' digital simulation?



POTONG & TAMPAL

Kecairan makna yang tidak berkesudahan ini membongkar hakikat bahawa kita kini hidup dalam sebuah dunia multidimensi yang bertindan-tindan konteksnya. Dalam banyak keadaan, terutama di era globalisasi, ekonomi pasaran bebas dan teknologi maklumat, pelbagai konteks yang saling bertindan ini akan terus bertembung, saling bertelagah, saling membatalkan, saling memecah dan mungkin juga membina (secara sementara) realiti-realiti baru. Beban pemaknaan diletakkan ke bahu kita sebagai pemerhati (atau pembaca imajan) untuk membaca dari kacamata yang baru, berbeza dari konteks yang asal.

Tetrianas juga seakan menyarankan bahawa makna (tentang sesuatu subjek) boleh dicipta dan dibina sebagai satu bentuk sistem berfikir yang dikongsi bersama sehinggakan cara berfikir atau corak pemikiran ini dianggap sebagai semulajadi atau fitrah oleh mereka yang memakainya. Corak pemikiran sepunya ini dapat membantu pemakainya mentakrif imajan-imajan secara selamat dan stabil, justeru melahirkan realiti budaya yang statik, beku tetapi aman. Namun, akibat dari ledakan pertukaran imajan-imajan dari pelbagai budaya yang digalakkan oleh revolusi telekomunikasi global, corak pemikiran sepunya sebegini menjadi rapuh kerana sentiasa dicampur-aduk, diguna-pakai, diguna-semula, dipecahkan, diganggu, atau dimusnahkan sama sekali. Realiti yang telah berpecah menjadi serpihan atau fragmen-fragmen kecil ini juga dapat dikesan dalam karya-karya kolaj digital Ismail Zain dan generasi pelukis kini seperti Chan Kok Hooi, Ahmad Fuad Osman, Safrizal Shahir dan Ili Farhana.

Dengan merujuk kepada persekitaran pasca-kolonial Pulau Pinang yang multi-budaya dan multi-etnik, Tetrianas telah menonjolkan lagi ciri ironi berkaitan soal jati diri dalam masyarakat plural Malaysia yang sentiasa berubah. Dalam keadaan masyarakat kita yang perlu mengharungi tuntutan pemodenan dan kejutan pasca-modern, soal berdepan dengan individu, kumpulan dan peristiwa yang keliru, bercelaru dan tidak masuk akal mungkin semakin menjadi sesuatu yang tidak pelik lagi. Ia mungkin selazim imajan-imajan komposit yang digubah oleh Tetrianas menerusi kolaj digital beliau. Corak pemikiran kita mungkin dicabar sehingga dipaksa pula menanggalkan naratif-naratif induk, serta pandangan-pandangan mono atau sepunya untuk menjadi lebih anjal, tidak beku, sentiasa bersedia berubah dan memahami persepsi yang berbeza-beza terhadap soal diri, identiti, budaya dan realiti zaman sekarang. Ada yang menerima hakikat ini, ada juga yang tidak bersetuju, malah ada yang menolaknya secara ganas.

Siapakah dan apakah yang mentakrif serta mencipta identiti dan realiti hidup kita pada zaman simulasi digital 'pasaran bebas' ini?

PERNYATAAN PELUKIS / ARTIST'S STATEMENT

Kita hidup dalam dunia yang penuh dengan warna. Ia adalah tenaga yang tidak pernah berhenti bergetar. Dengan berkarya, saya memberi reaksi terhadap warna-warna secara dalaman dan luaran - menggarap sentimen dan perwatakan warna-warna ketika saya menyusuri kehidupan harian. Saya memilih motif-motif yang dekat dengan saya.

Motif-motif ini berfungsi sebagai penanda terhadap pertemuan-pertemuan peribadi, refleksi dan renungan terhadap peristiwa atau kejadian, orang-ramai dan juga benda-benda yang menyentuh jiwa. Kesemuanya menyampaikan cerita-cerita ringkas yang sangat mesra dengan jiwa saya dan meninggalkan jejak-jejak kecil sepanjang perjalanan hidup.

We live in a world of colors. They are my source of energy that never cease to vibrate. Through my artworks, I react to colors both internally and externally - capturing their sentiments and temperaments as I engage with my daily life.

I choose motifs that are very close to me. They perform as markings of my personal encounters, my own reflection and contemplation on events, people and things that touch my heart. They narrate simple stories that are very intimate to my heart and leave a trail of my own personal journey in life.

ROZANA MOHAMED



Rimbun (2006)
Batik atas sutera/ batik on silk
112 cm x 250 cm



Susur (2006)
Batik atas sutera/ Batik on silk
112 cm x 250 cm

PERNYATAAN PELUKIS / ARTIST'S STATEMENT

Karya ini merupakan provokasi terhadap kebiasaan kita membaca imej atau gambar. Saya memulakan siri ini dengan beberapa siri montaj yang mempunyai beberapa saranan cerita yang terselindung di dalamnya. Saya seterusnya membentuk susunan montaj ini menjadi beberapa panel karya yang kemudiannya dipamerkan melalui satu siri instalasi dinding.

Terdapat juga beberapa panel gambar berasingan yang membawa maksud tersirat disusun secara rawak untuk mencetuskan beberapa tafsiran baru. Pulau Pinang, komuniti, juga budaya hariannya adalah sumber inspirasi untuk siri ini. Karya saya terbuka kepada pelbagai intepertasi. Secara perbadinya karya ini boleh dikatakan merangkumi pemikiran dan pengalaman saya mengenai Pulau Pinang.

My work is meant to provoke the customary logic of reading a picture or an image. I began this series with pieces of photomontages that contains several obscured narratives. Later, I arranged the photomontages into panels and presented as a wall installation.

There are also several isolated and randomly placed panels that carry hidden meanings to incite new interpretations. Penang, its people and their daily culture are my sources of inspiration for this series. My work is open for various interpretations. Personally, my work epitomizes my reflection and experience with Penang.

TETRIANA AHMED FAUZI

Montage 10 (2007)
Cetakan digital atas kanvas / Digital print on canvas
65 cm x 93 cm



Besides 4 PH (2007)
Cetakan digital atas kanvas / Digital print on canvas
55cm x 30cm

BIODATA - ROZANA MOHAMED

Rozana Mohamed dilahirkan di Johor Bahru pada tahun 1966. Beliau menerima pendidikan formal dalam bidang seni halus di UiTM (1984-1988). Di UiTM, beliau dididik oleh Fauzan Omar, Amron Omar, Ponirin Amin, Choong Kam Kaw, Ariffin Ismail dan Awang Damit. Sebagai seorang pelajar seni, beliau bersama rakan-rakan sezaman seperti Romli Mahmud, Haron Mokhtar, Fauzin Mustafa, Hasnul J Saidon dan Mohd Noor Mahmud telah terlibat secara aktif dalam beberapa siri ekspedisi dan pameran yang dianjurkan oleh Persatuan Pelukis Malaysia dan Jabatan Seni Halus UiTM. Beliau juga pernah mendapat hadiah Tempat Pertama dalam Pertandingan Cat Air Johor pada tahun 1988.

Selepas menamatkan pengajian di UiTM pada tahun 1988, Rozana menjadi pelukis dan pereka batik sepenuh masa di Johor Bahru. Beliau mengikuti suami ke USA dari 1990 hingga 1993 dan kembali meneruskan karier sebagai pelukis dan pereka setelah pulang semula ke Malaysia. Selain dari membuat rekaan batik, beliau juga berkarya dalam bidang seni catan. Kini, Rozana berkarya di studio rumah, yang juga bengkel dan galeri beliau. Rekaan dalaman beliau pernah memenangi Anugerah Anjung Seri / AKAS pada tahun 2003. Rozana juga berminat dalam bidang seni lanskap, hiasan dalaman, penyembuhan kristal dan puisi. Beliau ialah seorang ibu kepada tiga orang puteri - Adeela, Amira dan Ainina; seorang isteri sepenuh masa dan pemilik dua ekor kucing baka Amerika bernama Duma dan Dumii.

Rozana Mohamed was born in Johor Bahru in 1966. She received her formal education in Fine Art from UiTM (1984-88). At UiTM, she was taught by Fauzan Omar, Amron Omar, Ponirin Amin, Choong Kam Kaw, and Awang Damit. As an art student together with her contemporaries such as Romli Mahmud, Haron Mokhtar, Fauzin Mustafa, Hasnul J Saidon, and Mohd Noor Mahmud, she was actively involved in many art expeditions and exhibitions organized by Malaysian Artists Society and the Fine Arts Department UiTM. She was even awarded as a first prize winner in Johor Watercolor Competition in 1988.

After completing her Diploma at UiTM in 1988, Rozana became a full-time artist and batik designer in Johor Bahru. She accompanied her husband to USA from 1990 until 1993 and returned back to resume her career as an artist and designer. Other than designing batik, she also paints. Currently Rozana paints at her home studio, which is also her workshop and gallery. Her home was awarded best Overall entry for Anjung Seri/AKAS Awards in 2003. Rozana is also interested in gardening, crystal healing, interior design, and poetry. She is a mother of three princesses - Adeela, Amira and Ainina; a full-time wife and a proud owner of American breed cats called Duma and Dumii.



BIODATA - TETRIANA AHMED FAUZI



Tetriana menerima pendidikan awal di UiTM Sri Iskandar dan UiTM Shah Alam dari tahun 1997 hingga tahun 2001. Beliau telah menyertai beberapa kegiatan seni dan kebudayaan di Perak, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Melaka. Setelah tamat pengajian, beliau pernah bekerja sebagai ilustrator bebas dengan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk sebuah projek penerbitan Siri Warisan Alam Malaysia. Beliau juga pernah menghasilkan ilustrasi botani bagi spesies baru Vatica untuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Selepas beberapa tahun dalam industri penerbitan, beliau beranjak ke dunia akademik dengan menyertai USM sebagai tutor dalam Jabatan Seni Halus, Pusat Pengajian Seni. Di Pusat Pengajian Seni, beliau pernah ditugaskan sebagai koordinator dan kurator bersama untuk beberapa projek pameran, seni persembahan dan program komuniti anjuran Pusat Pengajian Seni, Dewan Budaya dan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM. Tetriana turut berpeluang untuk bekerja sebagai pembantu dan koordinator rekaan kostum-pelukis ternama Malaysia, Fauzan Omar untuk pameran solo eksperimental beliau pada tahun 2006. Karya seni Tetriana terdiri dari pelbagai gaya dan teknik.

Tetriana received her first degree in Art & Design from UiTM Sri Iskandar and UiTM Shah Alam from 1997 to 2001. She has participated in numerous arts and cultural events in Perak, Penang, Kuala Lumpur and Malacca. After graduation, she freelanced as a book illustrator for a publication project on Malaysian Natural Heritage Series by Dewan Bahasa and Pustaka. She also did botanical illustration of new Vatica species for Forest Research Institute of Malaysia in 2004.

After several years in the publication industry, she shifted to an academic world by joining USM as a tutor in its Fine Art Department, School of Arts. At the School of Arts, she was appointed as a coordinator and joint-curator for several exhibition and performance projects as well as community-based programs organized by the School of Arts, Cultural Center and the Tuanku Fauziah Museum & Gallery USM. Tetriana had worked as an apprentice and coordinating costume designer for renowned Malaysian artist Fauzan Omar on his experimental solo exhibition in 2006. Tetriana works in various styles and techniques, from drawings and paintings to digital prints.



www.MGTF.usm.my
www.usm.my/arts



PENGHARGAAN / ACKNOWLEDGMENT

Kedua pelukis merakamkan penghargaan kepada
The artists wish to thank

YAB Datin Paduka Seri Rosmah Mansor
YM Raja Annuar & Raja Elina
Hasnul J Saidon
Muzium & Galeri Tuanku Fauziah USM
Pusat Pengajian Seni USM
Adeela, Amira & Ainina
Hasanul Isyraf
Suzana Bujal
Abu Bakar
Hishamudin Misron
Ayahanda, bonda & keluarga
Para pensyarah ketika di UiTM
Rakan-rakan seperjuangan
Kolektor
Penulis, pengkritik dan media
Pengunjung pameran

& semua yang terlibat secara langsung atau
tidak langsung dengan Pameran ini